

CNS9111

R GB 11-12 00187 BB940

aab

Lima - Mahathir

PERJANJIAN PEMBELIAN PESAWAT MIG RUSIA AKAN DITANDATANGANI SEGERA

I

LANGKAWI, 11 Dis (Bernama) -- Perjanjian untuk pembelian 18 pesawat pejuang MiG-29 akan ditandatangani dengan kerajaan Rusia "tidak lama lagi", kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak boleh menyatakannya dengan tepat tetapi saya fikir tidak lama lagi kita harus membuat keputusan ... mungkin Januari, mungkin Februari, saya tidak begitu pasti, tetapi tidak lama lagi," katanya pada satu temuramah khas dengan televisyen Rusia dan RTM di pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LJMA '93) di sini semalam. RTM menyiarkan sedutan temuramah itu malam tadi.

Beliau berkata bagi pihak kerajaan, keputusan membeli pesawat itu telah dibuat dan kini terserah kepada para pegawai teknikal menentukan spesifikasi dan harga yang sepatutnya.

"Kita harus mempunyai pesawat yang mampu memenuhi keperluan kita dan memang sudah diketahui bahawa enjin MiG mempunyai jangka hayat yang lebih pendek daripada buatan negara-negara barat," katanya.

Perdana Menteri berkata dua permintaan utama yang dikemukakan Malaysia ialah supaya enjin yang mempunyai jangka hayat panjang digunakan serta menetapkan cara pembayaran. -- Lagi

▼11/12/17-13MST

CNS9119

R GB 11-12 00131 BB941

aab

Lima-Mahathir 2 Langkawi

"Kita ingin membuat pembayaran sebahagiannya secara tunai dan sebahagian lagi dengan komoditi yang dibeli Rusia, mungkin pada kadar 50/50 ataupun kurang daripada itu," katanya.

Daripada membelinya dari negara lain, kata Dr Mahathir, Rusia boleh mendapatkan komoditi terus dari Malaysia, katanya.

Beliau berkata keputusan membeli MiG-29 itu bukannya dibuat kerana politik, ia disebabkan Malaysia berpendapat ia pesawat pejuang yang baik dan dijual pada paras harga yang mampu dibayar kerajaan.

"Kita memilih MiG tanpa sedikitpun mengetahui kesan politik daripadanya tetapi ia menunjukkan bahawa kita bebas membuat pilihan. Kita tidak dipengaruhi oleh sesiapapun," katanya.

Mengenai kemungkinan membeli lebih banyak pesawat MiG, beliau berkata, wang sudah pastinya tidak akan mungkin mencukupi untuk membeli segala keperluan pertahanan negara. -- Lagi

▼11/12/17-37MST

CNS9130

R GB 11-12 00176 BB942

aah

Lima - Mahathir 3 (Akhir) Langkawi

Beliau berkata: "Kita membeli banyak peralatan bukan sahaja untuk tentera udara tetapi juga untuk tentera laut. Sekarang ini kita sedang menimbangkan penggantian 27 buah kapal peronda."

"Ia (kapal-kapal peronda) adalah satu program jangka panjang yang akan memakan belanja besar dan kita juga memerlukan wang untuk menyediakan infrastruktur yang diperlukan dalam negara," katanya.

Mengenai pembelian peralatan untuk angkatan tentera yang dibuat baru-baru ini, beliau berkata, peranan angkatan tentera telah berubah sejak zaman perang gerila dahulu.

"Kita perlu mengawal zon ekonomi eksklusif (EEZ) kita yang bermakna keluasan kawasan di bawah tanggungjawab kita telah bertambah dan untuk itu kita memerlukan kapal dan pesawat baru serta satu fungsi angkatan tentera yang keseluruhannya baru," katanya.

Dr Mahthir juga berkata bahawa Malaysia berminat untuk membeli lebih banyak peralatan dari Russia termasuk peralatan tentera yang sesuai bagi kegunaan awam.

Sebagai contoh, katanya, Rusia mempunyai kemudahan pelabuhan tentera yang sangat baik yang boleh dibina dengan cepat untuk kegunaan awam.

--Bernama

MGM MZ RON

11/12/17-48MST